

TM Menang Tiga Anugerah Sempena Hari Pekerja 2011



TM telah memenangi tiga anugerah sempena Hari Pekerja 2011 Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia pada 7 Mei 2011 di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil. Anugerah-anugerah tersebut adalah:

1. Anugerah Pekerja Cemerlang 2011 (Kumpulan Eksekutif)
2. Anugerah Pekerja Cemerlang 2011 (Kumpulan Bukan Eksekutif)
3. Anugerah Johan Slogan Terbaik Hari Pekerja 2011

Dua anggota TM yang telah mengharumkan nama Syarikat adalah Pawziah Yunos, Penolong Pengurus Zone 5 Access Senai / Kulaijaya, Johor dari Bahagian Network Operations Kawasan Selatan yang memenangi Anugerah Pekerja Cemerlang 2011 (Kategori Kumpulan Eksekutif). Manakala Abd. Aziz Shawab, Pegawai Pemasaran di Kolej Latihan TM Kawasan Selatan, Melaka telah memenangi Anugerah Pekerja Cemerlang 2011 (Kategori Kumpulan Bukan Eksekutif). Mereka yang telah dianugerahkan dengan Anugerah Pekerja Cemerlang 2011 ini telah menerima piala pusingan, plaque dan wang tunai RM5,000 seorang.

Dengan slogan “Pekerja Inovatif dan Majikan Prihatin Merealisasikan Transformasi Negara”, TM telah dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Slogan Terbaik sempena Perhimpunan Perpaduan Hari Pekerja 2011 Peringkat Kebangsaan. Piala kemenangan diterima oleh Mohd Khalis Abdul Rahim, Ketua Pegawai Modal Insan yang merupakan Ketua Kontinjen TM seramai 70 anggota yang hadir ke majlis perhimpunan ini. Hadiah telah disampaikan oleh Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Tema Hari Pekerja 2011 adalah “Pekerja Merealisasi Transformasi Negara”.